

12/06/2002

Usaha wujudkan EAEG semakin cerah

KUALA LUMPUR, Selasa- Cadangan Malaysia berhubung penubuhan Sekretariat Asean+3 di Kuala Lumpur setakat ini tidak menerima bantahan mana-mana anggota Asean lain, sekali gus menceraikan usaha pembentukan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG).

Setiausaha Agung Asean, Rodolfo C Severino Jr, yang ditemui Berita Harian di sini hari ini, mengesahkan Malaysia sudah mengemukakan kertas konsep penubuhan sekretariat itu ke ibu pejabat Asean di Jakarta, baru-baru ini.

"Perbincangan awal mengenainya akan diadakan di sini akhir bulan ini, sebelum disusuli peringkat menteri.

"Sama ada ia dibincangkan pada sidang kemuncak Asean di Kemboja November ini, bergantung kepada hasil mesyuarat awal itu, tetapi setakat ini belum ada negara Asean membuat bantahan," katanya sebelum menghadiri mesyuarat Menteri Alam Sekitar Asean di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Difahamkan, cadangan penubuhan sekretariat itu yang disokong kuat tiga negara rakan dialog Asean, iaitu Jepun, Korea dan China, dijangka dibincangkan pada mesyuarat Menteri-Menteri Asean ke-35 di Bandar Seri Begawan, Brunei, akhir bulan depan.

Asean+3 dianggotai semua 10 anggota Asean serta Jepun, Korea Selatan dan China, iaitu tiga rakan dialog Asean yang sudah wujud sejak 1997.

Severino berkata, Malaysia sudah menyediakan kertas konsep mengenai penubuhan sekretariat itu, tetapi beliau enggan memberi butiran lanjut.

Namun, katanya, penubuhan sekretariat itu memerlukan pembiayaan kewangan dan setakat ini belum pasti siapa yang akan membiayainya.

Sebelum ini, Malaysia sudah menyatakan kesediaan membiayai dan menyediakan kemudahan yang diperlukan Sekretariat Asean+3 supaya boleh berfungsi dengan berkesan.

Sementara itu, jurucakap Wisma Putra ketika dihubungi berkata, cadangan penubuhan Sekretariat Asean+3 itu masih dalam peringkat perbincangan dan mungkin dibincangkan pada mesyuarat peringkat pegawai kanan (SOM) Asean tidak lama lagi.

Ketika lawatannya ke Jepun dan Korea Selatan baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pemimpin kedua-dua negara itu yang ditemuinya menyatakan sokongan terhadap cadangan Malaysia menubuhkan Sekretariat Asean+3 di negara ini.

Sokongan Jepun itu dinyatakan Perdana Menteri, Junichiro Koizumi manakala Korea oleh Presidennya, Kim Dae Jung. China sejak awal lagi memberikan sokongan, malah menyokong penubuhan EAEG.

Indonesia juga menyatakan kesediaannya menyokong hasrat Kuala Lumpur untuk menjadi tuan rumah Sekretariat Asean+3 dan sokongan itu dinyatakan oleh Presidennya, Megawati Sukarnoputri dalam pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Jakarta minggu lalu.

Baru-baru ini, Dr Mahathir berkata, Sekretariat Asean+3 itu belum menjadi kenyataan kerana ia memerlukan permuafakatan negara anggota Asean lain.

"Ada negara lain yang tidak memberi apa pun kenyataan, sama ada mereka sokong atau tidak. Kita hanya membuat tawaran saja," katanya.

Penubuhan Sekretariat Asean+3 itu sudah pasti merintis jalan kepada penubuhan EAEG yang diilhamkan Dr Mahathir pada 1990, yang pada mulanya mendapat bantahan Amerika Syarikat kerana bimbang ia akan menjadi satu blok ekonomi.

(END)